

GAGAK RUMAH
House Crow

FAMILI: Corvidae
NAMA SAINTIFIK: : *Corvus splendens*



CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai keseluruhan bulu yang berwarna hitam di mana terdapat kolar yang berwarna kelabu gelap pada bahagian belakang tengkuk, bahagian atas belakang badan, bahagian sisi telinga tengkuk dan dada. Dalam keadaan penglihatan jarak jauh, keseluruhan warna spesies ini berwarna hitam. Bagi individu juvenile pula, keseluruhan warna badan berwarna coklat dan pudar terutamanya pada bahagian kepala dan badan. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 40-43 sm.

MAKANAN

Makanan utama terdiri daripada haiwan invertebra yang bersaiz besar, reptilian, amfibia telur dan buah-buahan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan terbuka dan kawasan-kawasan membangun serta di kawasan pinggir-pinggir hutan pada ketinggian sehingga 1,525 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang mendatar *kaaa-kaaa* atau bunyi *kow* yang rendah serta bunyi *kwick* yang perlahan.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Feburari hingga Jun di mana ia membina sarang yang besar berbentuk seperti cawan yang dalam di atas pokok, pada ketinggian di antara 3-4 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 3-7 biji berwarna hijau kebiruan yang berkilat serta terdapat bintik-bintik dan jalur yang berwarna merah pudar dan coklat ke warna kelabu. Telur ini mempunyai ukuran kira-kira 34.8 X 25.6 mm.